

Roda Warisan Melayu: Kelestarian dan Tradisi Kereta Lembu dalam Budaya Malaysia.

Adli Dhiyaulhaq Adam¹, Mohamad Ikmal Izzat Rozmi², Wan Satirah Wan Mohd Saman^{3*} & Jafalizan Md Jali⁴

¹ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; adlidhiya@gmail.com

² Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; ikmal9806@gmail.com

³ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; assatirah@uitm.edu.my;  0000-0002-9728-1990

⁴ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; jafalizan@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

* Correspondence: assatirah@uitm.edu.my; +601011-2124 7101

Abstrak: Kajian ini bertujuan mendokumentasikan sejarah warisan Melayu yang semakin terpinggir akibat perkembangan teknologi pengangkutan di Malaysia. Sejak abad ke-15, kereta lembu digunakan secara meluas setelah diperkenalkan oleh masyarakat India ke Tanah Melayu. Pada awalnya kereta lembu hanya digunakan untuk mengangkut barang, hasil tanaman dan pertanian. Kini kereta lembu digunakan sebagai daya tarikan pelancong di Malaysia. Namun begitu, walaupun kereta lembu dikenali ramai tetapi hasil kajian berkenaan warisan ini masih kurang berbanding warisan kraf lain yang wujud di Malaysia. Kajian ini bertujuan mendokumentasikan warisan kereta lembu yang dirakamkan melalui sejarah lisan atau transkripsi. Kaedah sejarah lisan membantu penyelidik mendapatkan maklumat yang sahih serta dapat menyumbang kepada sumber rujukan pada masa hadapan. Ia dijalankan dengan mengadakan satu temu bual bersama pengusaha kereta lembu yang masih giat aktif sehingga kini, iaitu Encik Samsudin sebagai peneraju perusahaan milik keluarga beliau selama lima generasi. Kajian ini mendapati persaingan dengan kenderaan moden serta kurangnya minat generasi muda terhadap kereta lembu mengancam kelangsungan seni ini. Encik Samsudin bukan sahaja berusaha mengekalkan keaslian kereta lembu, malah memperkenalkannya sebagai produk pelancongan warisan. Kajian ini menekankan kepentingan dokumentasi kemahiran tradisional sebagai usaha pemuliharaan agar ia tidak lenyap ditelan zaman. Dengan inisiatif dan sokongan masyarakat, kereta lembu berpotensi menjadi satu lagi ikon pelancongan yang membanggakan sekaligus memelihara warisan negara.

Kata Kunci: Perusahaan Tradisional, Kereta Lembu, Melaka, Lembu, Warisan.

DOI: 10.5281/zenodo.15003964



Copyright: © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Kereta lembu merupakan warisan budaya yang terkenal sepanjang zaman. Namun, hari demi hari penggunaannya semakin terancam kerana ia kini hanya digunakan dalam acara-acara tertentu. Kereta lembu, yang dahulunya merupakan kenderaan utama dalam aktiviti pertanian dan pengangkutan, kini lebih dikenali sebagai simbol budaya dan warisan tradisional, digunakan terutamanya dalam majlis kebudayaan dan pelancongan. Masyarakat juga beranggapan bahawa

pembuatan kereta lembu tradisional memerlukan kemahiran tinggi dan pengetahuan mendalam tentang teknik tradisional, menjadikan ia sukar diwariskan kepada generasi muda. Oleh itu, kereta lembu kini berdepan dengan ancaman kepupusan akibat persaingan daripada kenderaan moden yang lebih praktikal dan mudah diperoleh. Tambahan pula, kemahiran pembuatan kereta lembu yang diwarisi turun-temurun semakin dilupakan dalam kalangan generasi muda, yang lebih cenderung memilih pekerjaan lain yang lebih menguntungkan dan stabil.

Melalui kajian lisan ini, penyelidik berhasrat untuk merakam teknik pembuatan dan penjagaan kereta lembu tradisional, serta cabaran yang dihadapi oleh pengusaha dan pewarisnya, melalui penulisan dan dokumentasi bersama tokoh seperti Samsudin Bin Haji Abdul. Kajian ini juga bertujuan untuk merakamkan tema-tema penting seperti sejarah, falsafah, dan inovasi dalam pembuatan kereta lembu, untuk dijadikan sebagai bahan rujukan pada masa hadapan. Melalui dokumentasi ini, diharapkan seni pembuatan kereta lembu dapat diwarisi dan terus menjadi warisan budaya yang lestari serta dihargai oleh generasi akan datang. Melalui usaha ini, kajian ini diharap dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara warisan budaya seperti kereta lembu Melaka, serta memberikan inspirasi kepada generasi muda untuk terlibat dalam memelihara dan mempromosikan warisan ini.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam usaha memelihara tradisi kereta lembu, pengendali kereta lembu perlu mahir dalam memastikan seni ini terus relevan dan berkualiti. Oleh itu, kajian ini akan memberi fokus kepada mengenal pasti punca utama kemerosotan tradisi ini untuk mencadangkan langkah-langkah yang lebih berkesan bagi memartabatkan kereta lembu sebagai warisan kebudayaan yang berterusan. Berikut adalah permasalahan kajian yang dikenalpasti:

- Tradisi kereta lembu menghadapi ancaman kepupusan akibat persaingan daripada kenderaan moden yang lebih cepat, praktikal, dan ekonomik.
- Keterbatasan pemeliharaan tradisi kereta lembu secara berterusan disebabkan oleh persepsi masyarakat moden terhadap kereta lembu yang dianggap ketinggalan zaman.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian lisan ini bertujuan melihat perspektif tokoh dalam perusahaan kereta lembu dari sudut pandang yang berbeza, dengan fokus pada teknik dan kemahiran dalam mengendalikan serta mengekalkan tradisi kereta lembu sebagai warisan budaya. Berikut merupakan objektif utama kajian ini dijalankan:

- Menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan kepupusan tradisi kereta lembu akibat persaingan dengan kenderaan moden yang lebih cepat, praktikal, dan ekonomik.
- Mengkaji persepsi masyarakat moden terhadap kereta lembu dan bagaimana anggapan bahawa ia ketinggalan zaman memberi kesan kepada usaha pemeliharaannya.

4. PERSOALAN KAJIAN

Kajian lisan ini memfokuskan pada kajian tematik dan usaha tokoh dalam memastikan teknik dan kemahiran untuk perusahaan kereta lembu di Melaka tidak pupus dan terus lestari. Usaha kajian ini memberikan keutamaan kepada persoalan-persoalan seperti di bawah:

- Bagaimana cara untuk memastikan tradisi kereta lembu terus lestari di sebalik persaingan dengan kenderaan moden yang lebih cepat dan praktikal?
- Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengubah persepsi masyarakat moden terhadap kereta lembu agar ia tidak lagi dianggap ketinggalan zaman?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan dan sumbangan kajian lisan ini adalah untuk memberikan perspektif yang berbeza terhadap seni pembuatan kereta lembu Melaka sebagai warisan budaya yang berharga kepada negara. Kajian ini juga akan mengetengahkan figura utama iaitu Encik Samsudin bin Haji Abdul sebagai rujukan utama mengenai teknik pembuatan, reka bentuk unik, falsafah budaya, dan pengalaman beliau yang telah lama terlibat dalam industri kereta lembu tradisional. Sekaligus, kajian ini menonjolkan sumbangan beliau sebagai seorang pengusaha dan pewaris kemahiran tradisional dalam masyarakat yang kian lama semakin berkurangan, untuk menunjukkan bahawa sumbangan beliau masih relevan dalam memelihara tradisi dan warisan negara.

Selain itu, kajian ini juga diharap dapat menghasilkan panduan untuk usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan seni pembuatan kereta lembu berdasarkan pengalaman beliau yang dirakamkan dalam bentuk teks penulisan. Dokumentasi ini boleh dijadikan sumber rujukan kepada generasi akan datang, sama ada di institusi pendidikan, agensi kebudayaan, atau pihak NGO (*non-profit organization*). Usaha ini penting untuk memelihara kemahiran pembuatan kereta lembu agar tidak hilang ditelan zaman dan dapat diteruskan kepada generasi muda.

Dengan wujudnya kajian lisan sebegini, diharapkan dapat menyemai benih inspirasi kepada generasi muda yang berminat dengan seni warisan tempatan. Kajian ini juga diharap dapat memberikan semangat dan motivasi kepada generasi baru untuk menceburi bidang seni tradisional, serta menghargai nilai dan keunikan yang terkandung dalam seni pembuatan kereta lembu Melaka. Melalui dokumentasi ini, warisan budaya ini dapat terus hidup dan dihargai sebagai sebahagian daripada identiti dan kekayaan budaya negara.

6. TINJAUAN LITERATUR

6.1 Asal-usul kereta lembu

Berdasarkan sumber buku Sejarah Kedah Dua Millenia oleh Ahmad Zaharuddin (2016), kereta lembu merupakan salah satu warisan budaya yang kaya dengan sejarah dan nilai tradisional. Menurut beliau, kereta lembu diperkenalkan oleh pedagang India semasa era Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Pedagang ini membawa bersama mereka teknologi pengangkutan menggunakan lembu untuk memudahkan urusan perdagangan. Kereta lembu ini kemudian diadaptasi oleh masyarakat tempatan, menjadikannya sebahagian daripada kehidupan seharian mereka, dimana masyarakat mulai beralih kepada kereta lembu untuk membawa hasil pertanian, barang dagangan serta sebagai

pengangkutan. Dengan perkembangan masa, penggunaan kereta lembu meluas ke seluruh Malaysia. Mengikut sumber rujukan, pengangkutan ini pernah terkenal dan banyak digunakan suatu ketika dahulu di negeri Kedah. Evolusi penggunaannya melangkaui fungsi asal, apabila ia menjadi simbol status dan budaya masyarakat Melayu. Kebiasaannya golongan yang memiliki kereta lembu pada zaman dahulu biasanya terdiri daripada bangsawan atau hartawan, kerana memiliki haiwan ternakan dan pengangkutan sendiri melambangkan status sosial mereka. Kini, kereta lembu dikenali sebagai lambang tradisi dan kekayaan budaya, terutama di negeri Melaka.

Kereta lembu Melaka merupakan salah satu warisan budaya yang unik dan sarat dengan nilai sejarah serta kearifan tempatan. Kereta lembu telah diperkenalkan ke Melaka sekitar tahun 1830-an oleh pedagang dari India, khususnya dari Benggala dan Madras. Selain negeri Melaka, negeri berhampiran seperti Negeri Sembilan, Johor, Perak dan Selangor turut menggunakan kereta lembu sebagai pengangkutan yang memudahkan kerja-kerja seharian (Seni Pembuatan Kereta Lembu Melaka: Warisan Kearifan Tempatan., 2023). Pada awalnya, kereta lembu digunakan sebagai alat pengangkutan utama untuk mengangkut barang dagangan dari pelabuhan ke kawasan pedalaman. Namun, seiring dengan perkembangan zaman, fungsi kereta lembu telah mengalami perubahan, dari sekadar alat pengangkutan barang menjadi simbol budaya dan warisan yang diangkat sebagai ikon pelancongan di negeri Melaka.

6.2 Nilai Falsafah dan Estetika Kereta Lembu

Kereta lembu Melaka bukan sekadar alat pengangkutan tradisional, tetapi juga mencerminkan nilai-nilai falsafah dan estetika masyarakat Melayu (Seni Pembuatan Kereta Lembu Melaka: Warisan Kearifan Tempatan., 2023). Struktur dan reka bentuk kereta lembu ini sarat dengan simbolisme budaya Melayu, seperti penggunaan kayu dan besi yang melambangkan kekuatan dan ketahanan. Kereta lembu Melaka mempunyai ciri-ciri binaan yang unik, seperti bumbung kajang yang menyerupai bumbung rumah Melayu tradisional, serta penggunaan bahan-bahan asli seperti buluh, daun nipah, dan kayu keras yang diambil dari hutan. Proses pembuatan kereta lembu ini memerlukan kemahiran tinggi dan ketelitian, terutama dalam pembuatan roda dan gandar yang menjadi bahagian paling penting dalam struktur kereta lembu (Seni Pembuatan Kereta Lembu Melaka: Warisan Kearifan Tempatan., 2023).

Selain itu, terdapat penerapan unsur-unsur alam dan ragam hias yang diterapkan ke dalam seni bina kayu kereta lembu serta kenderaan tradisional yang lain. Ragam hias dipercayai menambahkan nilai tradisi kaum Melayu yang mencerminkan budaya yang indah dan harmoni (Seni Visual Tingkatan 2, 2017). Seni ragam hias banyak diaplikasikan pada alat pengangkutan, permainan rakyat dan alat domestik. Secara asasnya, seni ragam hias atau ornamen adalah satu bentuk seni kraf atau karya seni. Seni ini wujud pada satu benda yang melambangkan budaya seperti pada kain pua, ukiran kayu, dan ukiran tembaga. Seni ini juga diinspirasi dari motif flora, fauna, geometri, awan larat dan figuratif.

Di Malaysia khususnya, seni ragam hias ini banyak diterapkan pada badan atau bahagian-bahagian tertentu pengangkutan tradisional. Sebagai contoh, seni ragam hias ini diaplikasikan pada belakang tempat duduk penumpang atau bawah letak kaki yang menggunakan motif flora yang berulang menambahkan seri pada kereta lembu selain dari bumbungnya yang menyerlah. Seni ragam hias ini berfungsi sebagai penyeri estetika serta untuk melestarikan bentuk-bentuk yang digunakan untuk membuat bentuk acuan, pemegang alatan dan medium penarik minat pada penggunaanya.

6.3 Reka Bentuk dan Struktur Kereta Lembu

Menurut Ahmad Zaharuddin (2016) didalam bukunya Sejarah Kedah Dua Millenia, kereta lembu mempunyai struktur yang terdiri daripada empat bahagian utama iaitu badan, roda, balak dan kajang. Manakala dari satu kajian yang berbeza oleh Othman, N. (2023), berpendapat struktur utama kereta lembu Melaka terbahagi kepada tiga bahagian sahaja iaitu gandar (roda), peti (badan) dan bumbung (kajang). Bahagian pertama yang memainkan peranan penting iaitu gandar atau roda yang merupakan jentera utama yang berfungsi sebagai penggerak dan menyokong struktur keseluruhan kereta lembu. Menurut kajian ini, pembinaan roda merupakan struktur yang paling penting dan memerlukan penelitian yang dalam pembinaannya kerana ia merupakan bahagian yang akan mengharungi jalan setiap kali kereta lembu bergerak.

Selain dari itu, Othman, N. (2023) juga menerangkan bahawa bahagian roda ataupun gandar terdiri dari tiga komponen utama iaitu kayu pasang, bantal, balak dan roda. Bahagian kecil yang lain adalah besi pasang, tali pasang, besi tol, besi kepala, lancing, tali brek, tetupai, checawi dan kayu bom. Bahagian jejari mudah pecah semasa diketuk, jadi pembuatan bahagian tersebut perlu dilakukan dengan berhati-hati. Proses membuat gandar bermula dengan memasang balak dan ganda-roda di bawah badan kereta lembu. Balak adalah kayu yang keras dan ganda-roda pula adalah batang besi bulat yang dipasak ke dalam kayu balak dan akan terjulur keluar di bahagian kiri dan kanan untuk dimasukkan gegantang. Kemudian roda besar yang mempunyai gegantang yang berlubang akan dipasangkan kepada ganda-roda dan baji akan dipasak di kedua-dua hujung ganda tersebut.

Perubahan fungsi kereta lembu dari alat pengangkutan barang kepada simbol budaya dan tarikan pelancongan telah membawa kepada beberapa inovasi dalam pembuatannya. Pada suatu ketika dahulu, kereta lembu lebih memfokuskan pada kekuatan dan ketahanan untuk membawa muatan berat, tetapi kini, kereta lembu telah diubahsuai untuk membawa penumpang, dengan penambahan ruang duduk dan hiasan yang lebih menarik. Inovasi ini termasuk penggunaan besi sebagai pengganti buluh untuk kerangka kajang, serta penambahan ruang duduk di kiri dan kanan peti kereta lembu. Perubahan ini menjadikan kereta lembu lebih sesuai untuk digunakan dalam aktiviti pelancongan, seperti dalam perarakan budaya dan temasya Mandi Safar di Melaka (Seni Pembuatan Kereta Lembu Melaka: Warisan Kearifan Tempatan, 2023).

6.4 Cabaran Kelangsungan Warisan Kereta Lembu

Dengan wujudnya kenderaan bermotor di atas jalan raya seperti kereta dan motosikal yang mula berkembang sejak diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1903, semasa era penjajahan British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, penggunaan kereta lembu mula merosot (landasan, 2019). Selain itu, arus kemodenan dan perkembangan teknologi pengangkutan telah memberi cabaran besar kepada kelangsungan kereta lembu sebagai warisan budaya. Penggunaan kenderaan moden seperti motokar dan lori telah mengurangkan permintaan terhadap kereta lembu sebagai alat pengangkutan utama. Menurut Sulaiman Manan (2015), permintaan untuk membuat kereta lembu semakin berkurangan, dan hanya segelintir generasi muda yang berminat untuk meneruskan legasi pembuatan kereta lembu ini. Kekurangan minat ini sebahagian besarnya berpunca daripada persepsi bahawa pembuatan kereta lembu bukanlah pilihan kerjaya yang menjanjikan pendapatan yang lumayan berbanding pekerjaan moden yang lain. Hasil temu bual dan kaji selidik bersama Samsudin Abdul mendapati punca utama kehakisan warisan ini disebabkan kekurangan tenaga kerja dan mengambil

masa yang lama untuk menyelenggara serta membina sesebuah kereta lembu (Bernama, 2020). Menurut beliau, satu jalan keluar dari kepupusan ini adalah dari perhatian orang ramai serta industri pelancongan untuk meneruskan menyokong warisan untuk kekal hidup pada masa akan datang

6.5 Usaha Pemuliharaan dan Pendidikan

Untuk memastikan kelangsungan warisan kereta lembu Melaka, pelbagai inisiatif perlu diambil, termasuk program latihan dan pendidikan untuk menarik minat generasi muda. Menurut Muhammad Yusri dan Mohd Anuar Ramli (2020), kearifan tempatan seperti kemahiran membuat kereta lembu perlu dipelihara dan diwariskan kepada generasi seterusnya melalui proses pendidikan formal dan tidak formal. Selain itu, pengenalan kereta lembu sebagai produk pelancongan warisan budaya juga dapat membantu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang nilai dan kepentingan warisan ini. Bukan itu sahaja, di sekolah juga banyak menerapkan kepentingan ilmu seni serta sejarah yang ada pada pengangkutan yang pernah digunakan suatu ketika dahulu. Sebagai contoh seni ragam hias yang diajar melalui subjek seni visual yang boleh dilihat dari sumber rujukan buku *Seni Visual Tingkatan 2* pada 2017. Pendedahan awal sebegini membantu generasi akan datang untuk tidak lupa akan seni warisan budaya seni dalam Malaysia, sekaligus membantu untuk pemuliharaan warisan seperti kereta lembu.

6.6 Kereta Lembu Sebagai Produk Pelancongan

Kereta lembu di negeri Melaka juga mempunyai potensi besar untuk dijadikan sebagai tarikan pelancongan budaya. Menurut Zuliskandar Ramli et al. (2015), warisan budaya seperti kereta lembu dapat menarik minat pelancong yang ingin menikmati pengalaman budaya dan sejarah yang unik. Melaka, sebagai Bandaraya Warisan Dunia, mempunyai peluang besar untuk mempromosikan kereta lembu sebagai salah satu produk pelancongan yang unik dan berharga. Pengalaman menaiki kereta lembu dapat memberikan gambaran tentang kehidupan masyarakat Melayu tradisional dan nilai-nilai budaya yang dipegang teguh oleh mereka.

6.7 Pengusaha Kereta Lembu

Samsudin bin Haji Abdul merupakan salah seorang tokoh penting dalam mengekalkan tradisi kereta lembu di Melaka. Sebagai pewaris tradisi, beliau menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kekurangan sumber dan minat generasi muda untuk meneruskan perusahan secara turun-temurun daripada keluarga beliau. Walaupun begitu, semangat dan dedikasi beliau menjadi inspirasi kepada masyarakat kerana beliau masih menggunakan teknik binaan tradisional dengan bantuan teknologi moden untuk menghasilkan sebuah kereta lembu yang autentik. Pengalaman Samsudin bin Haji Abdul membuktikan kepentingan sokongan komuniti dan kerajaan dalam mengekalkan seni ini.

Usahanya menarik perhatian pihak Majalah 3, yang menemu bualnya dalam segmen "Warisan Kereta Lembu" selama 21 minit. Dalam temu bual tersebut beliau berkongsi ilmu berkenaan kereta lembu melalui pantang larang warisan dan pengalaman beliau sendiri sepanjang menguruskan perusahaan kereta lembu ini. Di antaranya ialah:

A. Pemilihan kayu

Kayu tua atau terpakai lebih baik berbanding kayu baharu kerana kayu muda masih boleh berkembang apabila basah dan mengecut apabila kering. Ia akan mengganggu proses pemasangan alatan atau bahagian kereta lembu, membuatkan pemasangan bahagian tertentu menjadi longgar. Kayu resak banyak digunakan untuk struktur tapak dan jejari roda, manakala kayu tembesu digunakan pada bahagian gantang kerana daya tahan lasak dan sukar merekah pada bahan tersebut untuk suatu tempoh jangka masa panjang.

B. Bahagian roda kereta lembu

Encik Samsudin menyatakan bahawa terdapat tanggapan yang salah, bahawa roda kereta lembu diperbuat dari satu potongan kayu balak sama. Wallhal ianya terdiri daripada beberapa komponen. Salah satunya ialah jejari yang berukuran 56 inci, yang berfungsi untuk menyokong struktur roda. Selain itu, tapak yang memegang jejari, gantang yang memegang kayu roda dan simpai merupakan komponen luar roda diperbuat dari besi untuk ketahanan roda, mengurangkan geseran dan kestabilan kereta lembu.

C. Lembu tarik

Berbeza dengan lembu biasa, ia akan dibelai untuk mengerat hubungan dan menjinakkan lembu dengan tuannya. Ini bertujuan untuk memastikan lembu tersebut mengenal tuan yang menjaganya serta memudahkan untuk lembu tersebut mendengar arahan yang diberikan. Haiwan ternakan seperti lembu sering kali diberikan makanan padat untuk memudahkan urusan peternak pada masa kini. Namun begitu, beliau masih memberi makanan semula jadi kepada lembu, seperti rumput dan lalang. Ini kerana beliau percaya dengan nutrien yang dibekalkan oleh sumber alam lebih baik berbanding makanan proses.

D. Pemilihan lembu

Lembu mempunyai pusar pada bulu lembu. Menurut beliau, pusaran tersebut memberi tanda untuk sifat serta tingkah laku lembu. Sebagai contoh, pusar tembok yang selari dari atas pinggul lembu ke alat kelamin menandakan lembu itu tidak kuat untuk menanggung bebanan manakala pusar junjung bakul yang setentang dengan mata akan menandakan lembu itu akan suka menanduk atau akan jadi sukar untuk dijinakkan. Selain itu, ketebalan ekor juga memainkan peranan sebagai tanda kepantasan lembu itu. ekor yang halus menandakan lembu itu akan berjalan dengan lebih pantas. Bukan itu sahaja, langkah lembu juga diambil kira, di mana langkah kaki depan lembu akan dilepasi langkah kaki belakang lembu setiap kali bergerak ke hadapan untuk memilih lembu yang berjalan dengan pantas.

Secara keseluruhan kajian literatur ini, kereta lembu Melaka bukan sekadar alat pengangkutan tradisional, tetapi juga merupakan simbol warisan budaya dan kearifan tempatan yang perlu dipelihara dan diwariskan kepada generasi seterusnya. Melalui inovasi dan penyesuaian dengan keperluan moden, kereta lembu dapat terus relevan dan menjadi tarikan pelancongan yang berharga di negeri Melaka.

7. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan fokus pada sejarah lisan sebagai kaedah utama untuk memahami nilai budaya, keunikan, dan cabaran dalam pemeliharaan seni pembuatan kereta lembu Melaka. Pendekatan ini dipilih kerana ia memberikan ruang kepada pengusaha kereta lembu, pewaris, dan individu yang terlibat secara langsung untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan, dan pandangan mereka secara mendalam. Maklumat ini sukar diperoleh melalui sumber bertulis sahaja, terutamanya dalam konteks warisan budaya yang sering diwarisi secara lisan dan praktikal.

Pengumpulan data dimulakan dengan pemilihan tokoh secara teliti, di mana individu yang memiliki pengetahuan mendalam atau pengalaman langsung dalam pembuatan dan penggunaan kereta lembu dijadikan subjek utama temu bual. Tokoh ini dipilih berdasarkan pengalaman beliau yang luas dalam bidang ini, yang telah lama terlibat dalam industri ini, serta generasi baharu yang mewarisi kemahiran ini daripada keluarga mereka. Pemilihan tokoh bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas tentang kepakaran dalam pembuatan kereta lembu tradisional, serta cabaran yang mereka hadapi dalam memelihara dan mewariskan kemahiran ini kepada generasi seterusnya.

Bagi memastikan data yang diperoleh adalah terperinci dan relevan, sesi temu bual dijalankan dalam dua peringkat. Sesi pertama berfungsi sebagai pengenalan, bertujuan untuk memahami latar belakang tokoh, peranan mereka dalam industri kereta lembu, dan pengalaman mereka dalam pembuatan serta penggunaan kereta lembu. Sesi kedua pula lebih mendalam, di mana soalan separa berstruktur digunakan untuk mengkaji aspek spesifik seperti teknik pembuatan kereta lembu, bahan-bahan yang digunakan, falsafah di sebalik reka bentuk, dan cabaran yang dihadapi dalam memelihara warisan ini. Kedua-dua sesi temu bual dirakam dengan persetujuan responden untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan data yang diperoleh. Rakaman ini kemudian ditranskrip sebagai bahan analisis utama dalam kajian.

Setelah data dikumpulkan, proses analisis dilakukan secara tematik. Setiap transkrip dianalisis untuk mengenal pasti tema utama yang muncul, seperti sejarah kereta lembu, teknik pembuatan, inovasi dalam reka bentuk, falsafah budaya, dan cabaran pewarisan kemahiran. Analisis tematik ini membantu dalam mengenal pasti corak umum dan perbezaan pandangan antara tokoh, memberikan gambaran yang lebih jelas tentang isu-isu kritikal dalam pemeliharaan seni pembuatan kereta lembu Melaka. Hasil analisis ini kemudiannya disusun dalam bentuk artikel dan rakaman suara sebagai dokumentasi sejarah lisan yang boleh dirujuk pada masa hadapan.

Dokumentasi akhir ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman terhadap seni pembuatan kereta lembu tradisional dalam kalangan masyarakat, serta menyumbang kepada pemahaman mendalam tentang keperluan melestarikan warisan budaya yang semakin terancam ini. Melalui pendekatan ini, kajian ini berharap dapat memberikan sumbangan yang signifikan dalam memelihara dan mempromosikan kereta lembu Melaka sebagai salah satu warisan budaya yang unik dan berharga.


8. HASIL KAJIAN

Kereta lembu merupakan salah satu warisan budaya yang unik di negeri Melaka dan pernah menjadi alat pengangkutan utama bagi masyarakat setempat. Kajian ini berdasarkan temu bual dengan encik Samsudin bin Haji Abdul, seorang tokoh yang telah mewarisi seni pertukangan dan pengendalian kereta lembu secara turun-temurun. Beliau berasal dari Kampung Tambak Bugis, Melaka, dan merupakan generasi kelima atau keenam yang meneruskan warisan ini. Sejak kecil, beliau telah didedahkan dengan seni warisan ini oleh arwah bapanya, Haji Abdul, yang merupakan seorang pembuat dan pengusaha kereta lembu yang terkenal pada zamannya. Walaupun ketika ini encik Samsudin bekerja sebagai pembantu makmal di sebuah sekolah, beliau tetap komited dalam memastikan seni pertukangan kereta lembu terus lestari.

Sejarah kereta lembu di Melaka bermula dengan kedatangan pedagang India yang membawa kenderaan ini sebagai alat pengangkutan. Pada mulanya, kereta lembu tidak berbumbung dan hanya digunakan untuk mengangkut barangan pertanian. Namun, masyarakat Melayu Melaka kemudiannya menyerap elemen seni bina tempatan seperti bumbung berbentuk Minangkabau dan ukiran kayu yang memperindah kereta lembu. Ia bukan sekadar alat pengangkutan tetapi juga melambangkan status sosial pemiliknya. Pemilik kereta lembu sering dianggap sebagai golongan berada kerana memiliki haiwan ternakan sendiri serta mampu menyediakan pengangkutan untuk keperluan dagangan dan pertanian.

Encik Samsudin menceritakan bagaimana penggunaan kereta lembu pernah menjadi sistem pengangkutan utama di Melaka, khususnya bagi masyarakat petani dan pedagang. Kereta lembu digunakan untuk membawa hasil pertanian dan barangan dagangan dari satu tempat ke tempat lain. Sistem barter masih diamalkan ketika itu, di mana orang kampung menukar hasil pertanian mereka dengan keperluan lain seperti beras dan sayur-sayuran. Selain itu, kereta lembu turut digunakan untuk membawa bahan binaan seperti kayu dan batu bagi pembinaan rumah serta infrastruktur lain seperti jambatan kecil dan surau di kampung-kampung sekitar.

Dari segi reka bentuk, encik Samsudin menceritakan bahawa kereta lembu di Melaka mempunyai ciri-ciri tersendiri yang membezakannya daripada versi di negeri lain. Ia mempunyai kajang (bumbung) yang melengkung, yang dipercayai mendapat inspirasi daripada seni bina Minangkabau. Selain itu, reka bentuk peti (ruang kargo) dihiasi dengan ukiran dan kemasan khas yang dikenali sebagai "kumai," yang merupakan teknik pertukangan Melayu tradisional. Struktur kereta lembu ini turut mempunyai simbolik tersendiri, seperti bilangan jerjak pada bahagian peti yang dikaitkan dengan prinsip keimanan dan rukun Islam. Ini membuktikan bahawa pembinaan kereta lembu bukan hanya berasaskan keperluan fizikal, tetapi juga dipengaruhi oleh nilai-nilai kepercayaan masyarakat Melayu.



Gambar 1: Ruang Tempat duduk Peti
Sumber: Gambar Lapangan



Gambar 2: Jerjak Kereta lembu
Sumber: Gambar Lapangan

Pemilihan lembu yang sesuai memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran pengendalian kenderaan ini. Hanya lembu yang dipilih dengan teliti, berdasarkan ciri fizikal seperti bentuk ekor, mata, dan pusar, yang boleh digunakan untuk menarik kereta lembu. Lembu yang digunakan harus mempunyai daya tahan tinggi serta keserasian dengan pasangannya untuk memastikan perjalanan lancar tanpa halangan. Selain itu, latihan lembu mengambil masa sekurang-kurangnya setahun sebelum ia boleh digunakan sepenuhnya. Terdapat juga baka-baka lembu tertentu yang lebih sesuai digunakan sebagai lembu penarik berdasarkan pengalaman turun-temurun dalam kalangan pengendali kereta lembu di Melaka.

Selain menjadi alat pengangkutan, kereta lembu turut memainkan peranan penting dalam acara kebudayaan seperti Pesta Mandi Safar yang dahulunya diadakan di Tanjung Kling, Melaka. Acara ini memperlihatkan keindahan dan kepelbagaian seni ukiran kereta lembu, di mana pemiliknya akan bersaing untuk memperagakan kenderaan mereka dengan hiasan yang paling menarik. Pesta ini juga menjadi medan pertemuan bagi pengusaha kereta lembu dari seluruh negeri, sekali gus memperkukuhkan jaringan sosial dalam kalangan masyarakat tradisional.

Namun, penggunaan kereta lembu semakin berkurangan dengan perkembangan teknologi moden. Kehadiran kenderaan bermotor telah menggantikan keperluan terhadap kereta lembu, menjadikannya hanya sebahagian daripada warisan sejarah. Walaupun begitu, encik Samsudin terus berusaha untuk memastikan seni warisan ini tidak pupus. Beliau sering dijemput untuk berkongsi pengalaman dalam program kebudayaan, bengkel pertukangan, serta festival warisan. Kereta lembu hasil tangannya juga telah dipamerkan di pelbagai lokasi penting seperti Istana Negara dan Kompleks Kraf Kuala Lumpur.

Sebagai usaha untuk memelihara warisan ini, encik Samsudin telah cuba menurunkan ilmu pertukangan dan pengendalian kereta lembu kepada adik-beradiknya serta generasi muda, termasuk anak buahnya. Namun, minat di kalangan generasi baharu masih kurang, dan beliau bimbang warisan ini akan lenyap jika tidak mendapat perhatian sewajarnya. Kekurangan minat ini disebabkan oleh perubahan gaya hidup, kekangan masa, dan kurangnya sokongan dalam bentuk insentif ekonomi untuk menjadikan pengendalian kereta lembu sebagai sumber pendapatan yang stabil.

Salah satu cabaran terbesar dalam mengekalkan warisan kereta lembu ialah kos pembinaan dan penyelenggaraan yang semakin meningkat. Kayu yang digunakan untuk membina kereta lembu semakin sukar diperolehi, dan harga bahan mentah seperti paku, tali, serta cat turut meningkat. Selain itu, kekurangan tenaga mahir dalam pertukangan tradisional menyebabkan sukar untuk melahirkan generasi baru yang mampu menghasilkan kereta lembu dengan keaslian dan kualiti tinggi.

Kereta lembu bukan sahaja mewakili identiti budaya Melaka tetapi juga menjadi sebahagian daripada tarikan pelancongan. Pelancong dari dalam dan luar negara masih tertarik dengan pengalaman menaiki kereta lembu yang dikendalikan secara tradisional. Oleh itu, kerjasama antara pengusaha kereta lembu, badan kebudayaan, dan pihak berkuasa tempatan amat diperlukan untuk menghidupkan kembali warisan ini sebagai satu daya tarikan unik di Melaka. Inisiatif seperti program kesedaran budaya, lawatan pendidikan, dan insentif kepada pembuat kereta lembu boleh membantu menggalakkan generasi muda untuk meneruskan legasi ini.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa kereta lembu bukan sekadar alat pengangkutan tetapi juga simbol budaya yang mencerminkan keunikan seni bina dan tradisi masyarakat Melayu Melaka. Usaha gigih individu seperti encik Samsudin dalam mempertahankan warisan ini perlu dihargai dan disokong agar ia terus diwarisi oleh generasi akan datang. Dengan adanya sokongan dari pelbagai pihak, termasuk institusi budaya dan kerajaan negeri, kereta lembu dapat terus menjadi

warisan hidup yang dapat dinikmati oleh generasi akan datang, sekaligus mengekalkan identiti budaya yang kaya dan bermakna.



Gambar 3: Encik Samsudin membawa kereta lembu di Melaka.
Sumber: Laman sesawang Lets Go Holiday Malaysia

9. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian yang telah dijalankan ini bertujuan untuk memberikan sumbangan serta penekanan terhadap ilmu warisan tradisional pembuatan kereta lembu di negeri Melaka. Pemilihan figura berpengalaman seperti encik Samsudin bin Haji Abdul adalah sebagai pembuka perspektif kepada generasi muda yang kini semakin terpengaruh dengan kemajuan teknologi yang pesat. Tujuan kajian ini juga adalah untuk memastikan sejarah dan seni pembuatan kereta lembu dilestarikan melalui penulisan dan dokumentasi yang mempunyai pelbagai perspektif, sama ada dari sudut biografi mahupun tematik. Dengan wujudnya langkah sebegini, ilmu dan kemahiran pembuatan kereta lembu dapat dikemaskini dari masa ke masa, menjadikan maklumat yang wujud masih relevan dan dapat diakses oleh generasi akan datang.

Selain itu, kajian seperti ini dapat menyumbang kepada sumber rujukan yang berguna untuk menghubungkan budaya tradisional dengan masyarakat moden, serta menjawab persoalan yang masih belum terjawab mengenai warisan ini. Maklumat yang diperolehi juga dapat memberikan inspirasi kepada usahawan muda yang berminat untuk menceburi bidang ini, memberikan nafas baharu serta inovasi yang akan menguntungkan semua pihak dan seterusnya menaikkan martabat seni tradisional ini. Jika seni pembuatan kereta lembu ini dapat dihayati dan dipromosikan dengan baik, ia akan menjadi sumber yang menarik untuk dirujuk oleh generasi muda yang ingin mendalami dan memelihara warisan budaya ini.

Melalui kajian ini, diharapkan seni pembuatan kereta lembu Melaka dapat terus dipelihara dan dikekalkan kelestariannya sebagai salah satu warisan budaya yang bernilai tinggi. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan memelihara warisan tradisional ini agar tidak lenyap ditelan arus kemodenan. Dengan usaha yang berterusan, diharapkan seni pembuatan kereta lembu bukan sahaja dihargai oleh generasi sekarang, tetapi turut menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk mendalami, menghidupkan semula, serta memainkan peranan aktif dalam usaha pemuliharaan dan promosi warisan ini kepada masyarakat tempatan dan pelancong antarabangsa.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Terlebih dahulu, kami ingin mengucapkan syukur yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyempurnakan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan atau dikenali sebagai Oral History. Hasil penulisan ini dilengkapi dengan jayanya mengikut tempoh atau waktu yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan kami tujukan kepada tokoh utama kami iaitu Encik Samsudin Bin Haji Abdul yang telah meluangkan masa dan tenaga untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan, dan cerita beliau mengenai seni pembuatan kereta lembu Melaka. Selain itu, segunung penghormatan buat tokoh sokongan kami iaitu Puan Wan Zaiyana bin Mohd. Yusof seorang pensyarah Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) cawangan UiTM Shah Alam. Tanpa pandangan beliau di dalam reka bentuk (kenderaan) untuk mengulas dan menyokong kajian kami, memungkinkami kami tidak dapat memenuhi keperluan subjek ini.

Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah untuk subjek IMR604 Pendokumentasian Sejarah Lisan iaitu Encik Jafalizan bin Md Jali yang begitu sabar mengajar kami untuk subjek ini sepanjang semester 5 kami. Lebih - lebih lagi beliau berdedikasi dalam mencurahkan ilmu, sokongan, kesabaran dan galakan kepada anak bangsa bagi memastikan kami berjaya sepanjang menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang disayangi. Tanpa mereka yang telah banyak berkorban dalam memberikan sokongan moral, dorongan dan nasihat serta doa yang tidak putus-putus dari jauh buat kami untuk menuntut ilmu.

Akhir sekali, kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Tanpa bantuan dan kerjasama semua pihak, kajian ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan jayanya. Semoga kajian ini dapat memberikan sumbangan yang bermakna dalam memelihara dan mempromosikan warisan budaya kereta lembu Melaka untuk generasi akan datang.

References

- BERNAMA. (2020). Kereta lembu, khazanah yang kian pupus di Melaka. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1914209>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Pendidikan Seni Visual Tingkatan 2. Penerbit Bestari. <https://online.anyflip.com/bccg/tqcm/mobile/index.html#p=1>
- LANDASAN. (2019). Sejarah Pengangkutan Awam di Malaysia. https://www.landasan.info/sejarah/?utm_source=chatgpt.com
- Asri Badrun. (2025, Februari 10). Majalah TV3 Warisan Kereta Lembu [Video]. Youtube. <https://www.youtube.com/watch?v=z0GOxRr9S0Y>
- Meulen, D. V. (1943). SAFAR ABLUTIONS IN MALACCA. *The Muslim World*, 33(2), 140–142. <https://doi.org/10.1111/j.1478-1913.1943.tb01292.x>
- Mohd Rus, A. K. A., Mat Noor, N. O. O. R., & Mohd Rosli, M. K. A. (2020). LUKUT, 1846-1864: BANDAR TERAWAL DI SELANGOR. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 47(2). <https://journalarticle.ukm.my/16866/1/41451-132546-1-SM.pdf>
- Muhammad Yusri Yusof & Mohd Anuar Ramli. (2020). Pentakrifan kearifan tempatan: Suatu sorotan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 175-185. <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/download/43486/11260>
- Othman, N., & Man, Z. (2023). Seni Pembuatan Kereta Lembu Melaka: Warisan Kearifan Tempatan. <https://journalarticle.ukm.my/22038/1/jatma%202023%201102%2007.pdf>
- Patriots, & Patriots. (2022). Kereta lembu dalam Kesultanan Melayu Melaka. *The Patriots*. <https://thepatriots.asia/kereta-lembu-dalam-kesultanan-melayu-melaka/>
- Sabri, A. Z. S. A. (2016). Sejarah Kedah Dua Millenia (UUM Press). UUM Press. <https://books.google.com/books?hl=en&lr=&id=o1d5DAAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA64&dq=kereta+lembu+&ots=5YgNw0dLnn&sig=iWkEH5IKzfhyJx9AyzcB49GPTel>
- Sulaiman bin Manan (2015). Rahsia kereta lembu Melaka. *Berita Harian*, 7 Jun. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/06/59729/rahsia-kereta-lembu-melaka>
- Zakaria, Z., & Hua, A. K. (2022). Sifat dan Konsumsi Budaya Melayu dalam Pelancongan Malaysia: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001970-e001970. <https://www.msocalsciences.com/index.php/mjssh/article/download/1970/1385>
- Zuliskandar Ramli, Mazlin Mokhtar, Muhammad Rizal Razman & Sharifah Zarina Syed Zakaria. (2015). Pelancongan Berasaskan Warisan Di Malaysia: Potensi Dan Cabaran. Prosiding Seminar Antarabangsa Ke 8: Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/305282391_Pelancongan_berasaskan_warisan_di_Malaysia_potensi_dan_cabaran